

# HUBUNGAN ANTARA STATUS KESIHATAN MENTAL DENGAN KUALITI PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN PELAJAR UMS KETIKA PANDEMIK COVID-19

NURUL AINI BINTI TAMRIN @ LAJUDIN<sup>1</sup>, ASDALIFAH BINTI TALIBE<sup>2</sup> & DR SITI RAHAYU BINTI MOHD HASHIM<sup>3</sup>

FAKULTI SAINS DAN SUMBER ALAM, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH, 88400 KOTA KINABALU, SABAH

bs18110439@student.ums.edu.my<sup>1</sup>, asdalifah@ums.edu.my<sup>2</sup>, rahayu@ums.edu.my<sup>3</sup>

## ABSTRAK

Kesihatan mental dan implikasi terhadap kualiti pembelajaran dalam kalangan pelajar universiti telah menjadi topik global sejak pandemik COVID-19 berlaku. Oleh itu, matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan status kesihatan mental dan kualiti pembelajaran pelajar UMS ketika pandemik COVID-19. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan deskriptif melalui soal selidik. Kaedah persampelan mudah telah digunakan untuk mendapatkan 381 orang pelajar sarjana muda dari UMS sebagai sampel kajian. *General Health Questionnaire 12* (GHQ-12) digunakan bagi mengukur status kesihatan mental pelajar dan mempunyai tiga dimensi iaitu 1) Kebimbangan dan Kemurungan, 2) Disfungsi sosial dan 3) Kehilangan Keyakinan sementara *Online Learning Readiness Scale (OLRS)* digunakan bagi mengukur tahap kualiti pembelajaran pelajar dan mempunyai lima dimensi iaitu 1) keberkesan diri terhadap komputer dan internet, 2) pembelajaran secara kendiri, 3) kawalan pelajar 4) motivasi untuk belajar, dan 5) keberkesan berkomunikasi dalam talian. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar sarjana muda UMS mempunyai kesihatan mental berisiko tinggi dan bersedia mengikuti pembelajaran dalam talian sepanjang pandemik COVID-19. Hasil kajian turut menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara status kesihatan mental dan kualiti pembelajaran dalam kalangan pelajar sarjana muda UMS semasa pembelajaran dalam talian sepanjang pandemik COVID-19.

## PENDAHULUAN

Tanpa disedari, wabak COVID-19 ini mungkin akan mempengaruhi status kesihatan mental seseorang pelajar. Pelbagai perasaan seperti tekanan, kerisauan, serangan panik dan kemurungan mungkin dialami oleh pelajar terutamanya yang tinggal bersendirian atau berjauhan dari keluarga. Ini secara tidak langsung mungkin boleh menyebabkan terganggunya kualiti belajar bagi seorang pelajar sekiranya tidak ditangani dengan baik. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti status kesihatan mental pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) ketika pandemik COVID-19 yang menggunakan GHQ-12 dan mempunyai tiga dimensi terbesar iaitu aspek dari segi keberfungsian sosial, kebimbangan dan kemurungan, dan hilang keyakinan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menentukan kualiti belajar bagi pelajar UMS yang menggunakan OLRS dan mempunyai subskala seperti aspek keberkesan diri menggunakan komputer dan internet, pembelajaran secara kendiri, kawalan pelajar (dalam konteks dalam talian), motivasi untuk belajar, dan keberkesan berkomunikasi dalam talian ketika pandemik COVID-19.

## OBJKTIF KAJIAN


- Mengenal pasti status kesihatan mental pelajar UMS ketika pandemik COVID-19.
- Menentukan kualiti pembelajaran bagi pelajar UMS ketika pandemik COVID-19.
- Melihat hubungan di antara status kesihatan mental dengan kualiti pembelajaran pelajar UMS ketika pandemik COVID-19.

## METODOLOGI

### KAEDAH PERSAMPELAN

Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan mudah

### PENGIRAAN SAMPEL

 Seramai 381 responden yang terlibat dan merupakan pelajar sarjana muda di UMS

### PEMILIHAN INSTRUMEN

General Health Questionnaire 12 (GHQ-12)  
– Goldberg (1972)  
Online Learning Readiness Scale (OLRS)  
– Hung et al., (2010)

### PENGUMPULAN DATA

Bahagian A : Demografi Responden  
Bahagian B : GHQ-12  
Bahagian C : OLRS


### KAJIAN RINTIS DAN UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN

Nilai kebolehpercayaan GHQ-12,  $\alpha = 0.920$   
Nilai kebolehpercayaan OLRS,  $\alpha = 0.928$


### ANALISIS DATA

 Perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS)

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN



Rajah 1. Perkadaran jawapan responden kepada soalan GHQ-12



Rajah 2. Perkadaran jawapan responden kepada soalan OLRS

Jadual 1. Min skor bagi instrumen yang digunakan mengikut dimensi

Instrumen	Dimensi	Min
General Health Questionnaire 12 (GHQ-12)	Keseluruhan	<b>17.1522</b>
	Disfungsi sosial	1.2962
	Kemurungan dan Kebimbangan	1.5308
	Hilang keyakinan	1.6260
Online Learning Readiness Scale (OLRS)	Keseluruhan	<b>63.2703</b>
	Keberkesan diri terhadap komputer dan internet	3.5249
	Pembelajaran secara kendiri	3.5925
	Kawalan pelajar	3.2065
	Motivasi untuk belajar	3.5925
	Keberkesan berkomunikasi dalam talian	3.9965

Jadual 2. Ringkasan keputusan Korelasi Spearman

Pemboleh Ubah	Korelasi Spearman	Nilai p
Status kesihatan mental	0.100	0.051
Kualiti pembelajaran	0.100	0.051

## KESIMPULAN

- Status kesihatan mental berisiko tinggi** dalam kebimbangan dan kemurungan
- Dari **segi kualiti pembelajaran, pelajar bersedia menjalankan pembelajaran dalam talian** sepanjang pandemik
- Tidak terdapat hubungan yang signifikan dan positif** antara status kesihatan mental dan kualiti pembelajaran

## RUJUKAN

- Goldberg DP (1972) The detection of psychiatric illness by questionnaire. Maudsley Monograph No 21. Oxford University Press, Oxford
- Hung, M. L., Chou, C., Chen, C. H., & Own, Z. Y. (2010). Learner readiness for online learning: Scale development and student perceptions. *Computers & Education*, 55(3), 1080-1090